

SAMBUTAN KARNIVAL MEGA SUKAN SRI ANGKASA MEMBERANGSANGKAN

Pertandingan ‘Street Soccer’ yang di anjurkan dalam Karnival Sukan Mega KSA.



Oleh Izzuddin Bin Madzain

Kota Kinabalu, 26 April – Karnival Mega Sukan anjuran Exco Sukan Dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Sri Angkasa(KSA) berlangsung meriah pada 18 dan 25 April dan dapat penyertaan yang berangsangkan daripada penghuni KSA.

Objektif program ini memberi peluang kepada pelajar untuk tunjuk dan mengasah bakat mereka di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan penghuni KSA.

Pengarah Program Karnival Mega Sukan Sri Angkasa, Lexchan Susuan, 22, berkata, “Idea program ini adalah dari pihak Hal Ehwal Pelajar memandangkan sukan ialah salah satu aktiviti yang merapatkan hubungan antara mahasiswa selain mengasah bakat mereka,”

Menurutnya lagi, walaupun program ini telah berjalan serentak dengan Sukan Massa ajuran pihak UMS, namun penyertaan karnival ini adalah sangat memberangsangkan.

“Saya harap juga pihak JAKMAS akan menambah sukan lain seperti softbol dan ping-pong pada masa akan datang,” tambahnya lagi.

Empat jenis sukan yang dipertandingkan ialah ‘Street Soccer’, sepak takraw(lelaki), badminton terbuka kepada empat kategori iaitu perseorangan lelaki dan wanita dan beregu lelaki dan wanita, serta bola tampar terbuka lelaki dan wanita.